

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
(TANAH MERAH)

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dalam usaha meningkatkan mutu bola sepak negara, berapa ramai lagikah pemain naturalisasi akan diserap menyertai pasukan Harimau Malaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan sukan bola sepak negara dan sentiasa terbuka untuk membantu perkembangan prestasi skuad kebangsaan.

2. Pelaksanaan Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) atau *National Football Development Programme* (NFDP) bagi Fasa 1 bermula pada tahun 2014 hingga 2020 manakala Fasa 2 dijadual bermula pada tahun 2021 hingga 2030. Penambahbaikan PPBN dibuat berdasarkan *Blueprint* PPBN 2019–2025 yang telah disediakan pada awal tahun ini. Sebanyak tujuh (7) inisiatif telah diperkenalkan iaitu memperkemaskan struktur kejurulatihan, penubuhan jawatankuasa pelaksana, skim gaji yang lebih berstruktur, modul pendidikan persendirian untuk Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD), perancangan pemain selepas umur 17 tahun, kerjasama pemegang taruh dan pemain naturalisasi.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini seramai empat (4) orang pemain telah melalui proses naturalisasi dan turut menyarung jersi kebangsaan di kejohanan-kejohanan utama yang dipertandingkan bermula pada tahun 2014. FAM juga turut mengesahkan dua (2) lagi pemain naturalisasi akan menyarung jersi kebangsaan setelah menerima kelulusan daripada pihak Konfederasi Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

4. Pihak FAM juga akan terus mengkaji dan mempertimbangkan keperluan kaedah naturalisasi ini dari semasa ke semasa berdasarkan kepada peluang-peluang yang ada melalui tiga (3) mekanisme tersebut bagi memastikan prestasi pasukan negara terus meningkat.

Sekian, terima kasih.